

Terus bekerja dari rumah sehingga negara pulih: CUEPACS

Kuala Lumpur: Amalan bekerja dari rumah (BDR) masih perlu dilaksanakan oleh semua majikan termasuk sektor swasta dan awam kerana ia membantu mengekang penularan wabak COVID-19.

Presiden CUEPACS, Adnan Mat, berkata, ia bagi mengelakkan tercetus kluster baharu di tempat kerja memandangkan ketika ini kes COVID-19 masih mencatatkan empat angka, malah proses memutuskan rantaian penularan wabak itu melalui Program Vaksinasi COVID-19 Kebangsaan masih lagi pada peringkat fasa pertama.

“Justeru, BDR masih perlu sebelum negara benar-benar pulih atau mencapai imuniti berkelompok. BDR ini juga sudah menjadi norma dalam perkhidmatan awam dan amalan ini masih lagi membolehkan sistem penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat beroperasi seperti biasa.

“Pelaksanaan kali pertama BDR ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18⁺ Mac tahun lalu, memberi tempoh mencukupi untuk perkhidmatan membuat beberapa pengubahsuahan terhadap cara kerja di luar pejabat.

“Malah, BDR juga membolehkan produktiviti dapat dioptimumkan sebaik mungkin berbanding risiko tercetusnya kluster di tempat kerja yang boleh mengakibatkan keseluruhan operasi ditutup sepenuhnya,” katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Kelmarin, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata syarikat swasta dibenar beroperasi dengan kapasiti pekerja maksimum apabila kerajaan membatalkan arahan pematuhan dasar 30 peratus bekerja dari rumah mulai hari ini.

Kapasiti kehadiran pekerja bagi perkhidmatan awam ke pejabat pula adalah berdasarkan kepada Pekeliling atau arahan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Adnan berkata, majikan di sektor swasta tidak perlu terburu-buru memulakan operasi pada kapasiti 100 peratus walaupun kebenaran sudah diberikan oleh kerajaan.

“Begitu juga sektor awam, setiap ketua jabatan perlu menguruskan operasi dan sumber manusia dengan sebaiknya. Implikasi pembatalan BDR ini cukup besar dan tidak dapat dijangka memandangkan kes COVID-19 masih lagi tinggi,” katanya.